

# **KUTKM RAIH PINGAT EMAS DAN PERAK PADA I.TEK 2005**

**BERNAMA News | Berita Dalam Negeri | 15/06/2005 | Author: / NO RS**

MELAKA, 15 Jun (Bernama) -- Setelah sering menyaksikan kesukaran penunggang motosikal mengheret kenderaan ke bengkel bila tayar pancit, akhirnya tercetus idea Mohd Najib Abd Manan menghasilkan "plug tekanan angin"

Selepas lima tahun berusaha bagi menghasilkan plug tersebut, Mohd Najib, pelajar tahun dua, fakulti Kejuruteraan Pembuatan dari Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) di sini, memenangi anugerah emas pada "International Invention, Innovation, Industrial Design and Technology Exhibition" (I.TEX) kali ke-16.

I.TEX yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur yang berlangsung pada 13 hingga 21 Mei lepas merupakan platform antarabangsa kepada semua penyelidik untuk mempromosikan hasil penyelidikan dan kreativiti mereka.

Mohd Najib, 21, dari Merlimau dekat sini, telah dibantu oleh dua tenaga pengajar di fakulti itu Nik Mohd Ariffin Che Zainal Abidin dan Hambali Ariff bagi menghasilkan alat tersebut.

Pada persidangan media yang di KUTKM di sini hari ini sempena kejayaan itu, Mohd Najib berkata plug tekanan angin itu sangat bermanfaat kepada penunggang motosikal yang menghadapi masalah tayar pancit.

"Dengan menggunakan ciptaan ini, angin dapat dipamkan ke tayar yang pancit dan pengguna boleh terus menunggang motosikal ke kedai motor berdekatan untuk membaiki tayar," katanya.

Ciptaan bersaiz tapak tangan orang dewasa itu mudah disimpan dalam poket seluar.

Timbalan Rektor Penyelidikan, Pengkomersialan/Inovasi, Datuk Prof Madya Dr Abu Bakar Mohd Diah yang turut hadir pada sidang media itu berkata KUTKM sedang berusaha untuk mempromosi produk itu.

"Kita akan berusaha supaya produk ini dikomersialkan setelah dipatenkan," katanya.

Beliau berkata KUTKM telah mengambil bahagian dalam 8 buah rekacipta dalam pameran itu.

Satu lagi rekacipta KUTKM dihasilkan oleh Prof Dr Marizan Sulaiman dan Zainuddin Mat Isa memenangi anugerah pingat perak.

Abu Bakar berkata kedua-dua rekacipta itu juga akan dipertandingkan di peringkat tertinggi antarabangsa.

Pameran I.Tek 2005 dianjurkan oleh Malaysian Invention and Design Society (MINDS) mengandungi pelbagai acara termasuk "Invention and Design Competition" dan "International Forum Invention Promotion".

-- BERNAMA  
NO RS